

# Tun M sudah tak relevan

Oleh Farah Marshita Abdul  
Patah dan Illah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa usaha kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai negara berbilang bangsa bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan disifatkan sebagai cubaan terdesak bekas Perdana Menteri itu untuk kekal relevan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata tindakan itu juga adalah cubaan terakhir Dr Mahathir untuk terus dilihat relevan oleh masyarakat.

“Bekas Perdana Menteri (Dr Mahathir) sudah hilang deposit di Langkawi. Saya tak rasa kita perlu mengambil serius sangat (mengennainya).

“Sudah tentu, (ini) percubaan terakhirnya untuk dilihat relevan. Saya akan menjadikannya tidak relevan. Saya tidak akan mengulas mengennainya,” kata Anwar ketika sesi soal jawab

pada Persidangan Undang-undang Malaysia Antarabangsa (MLC) di Hotel Shangri-la, di sini semalam.

Anwar berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan bekas Presiden Majlis Peguam Malaysia, Christopher Leong mengenai bantahan ramai terhadap kenyataan Dr Mahathir mengenai Malaysia bukan negara berbilang bangsa.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak faham mengapa negara ini masih perlu 'terperangkap' dalam isu negara ini milik kaum apa.

Nasional 3

## PRU15

Dr Mahathir raih  
4,566 undi di Parlimen  
Langkawi, hilang  
wang pertaruhan

## Fahaman Laicite tak boleh diterima rakyat, kerajaan

Dari Muka 1

Baru-baru ini, Dr Mahathir mendakwa tindakan mempromosikan Malaysia sebagai negara berbilang bangsa bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang menekankan 'keMelayuan Malaysia'.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian dalam kenyataan balas terhadap Ketua Penerangan UMNO Bukit Gelugor yang meminta Dr Mahathir berhenti memainkan sentimen perkauman.

Dr Mahathir berkata, beliau hanya menyuarakan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Apakah mempertahankan

Perlembagaan menyalahi undang-undang, sebaliknya (yang) bertentangan Perlembagaan ialah mempromosi negara berbilang bangsa,” katanya dalam kenyataan itu.

Anwar berkata, Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menggariskan hak dan keistimewaan orang Melayu, malah Perlembagaan juga dengan jelas menyatakan semua rakyat di negara ini perlu dilindungi dan masa depan adalah untuk semua rakyat Malaysia.

“Saya sebagai orang Melayu yang menghormati Raja, budaya, bahasa dan tradisi Melayu, tetapi saya tidak boleh meniadakan hak bangsa lain.

“Saya tak faham, kenapa

dalam tahun 2023, kita tidak membicarakan mengenai ekonomi atau teknologi digital, sebaliknya mengenai negara ini milik siapa,” katanya.

Pada PRU15 lalu, Mahathir yang mewakili Pejuang kalah teruk di Langkawi apabila hilang wang pertaruhan.

Beliau hanya mendapat 4,566 undi berbanding calon Perikatan Nasional (PN), Mohd Suhaimi Abdullah dengan 25,463 undi.

Malah, semua calon Pejuang, termasuk anaknya, Muhkriz juga kalah dan hilang wang deposit pilihan raya.

Menjawab soalan lain, Anwar berkata fahaman sekular Laicite yang menolak agama secara

mutlak dalam pentadbiran negara tidak boleh diterima rakyat dan kerajaan.

“Kenapa kita perlu menerima Laicite sedangkan nilai agama adalah penting. Malah, dalam hal membabitkan keadilan, ia disebut dalam khutbah Jumaat,” katanya.

Laicite adalah prinsip asas sekularisme di Perancis. Artikel 1 Perlembagaan Perancis tidak menggalakkan pembabitan agama dalam urusan pentadbiran negara terutama pengaruh agama dalam penetapan dasar-dasar negara.

Anwar diminta mengulas berhubung kenyataannya dalam program Naratif Khas bersama Perdana Menteri di Radio

Televisyen Malaysia (RTM), Januari lalu, bahawa Kerajaan Perpaduan menolak sekularisme.

Dalam program itu, Anwar dilaporkan berkata konsep negara sekular dan ideologi komunis tidak akan diiktiraf oleh Kerajaan Perpaduan.

Mengulas lanjut, Anwar menegaskan sekiranya terma sekular ingin dipopularkan, maka perlu dipastikan bahawa terma berkenaan difahami dengan jelas oleh keseluruhan masyarakat di negara ini.

Katanya, majoriti masyarakat Islam mengambil fahaman sekular sebagai sesuatu yang menolak agama secara mutlak dalam pentadbiran.